



MYNEWSHUB

Country Rank	 6423	Category	News and Media
Monthly Page Views	73.213 views	Bounce Rate (%)	7600.00 %
Unique Visitors	48.683 visitors	Description	-

Article Details

Campaign	LHDN	Ad Value	MYR 2,000
Date	16 Oct 2024 - 13:13:34	PR Value	MYR 6,000
Media	MYNEWSHUB	Topic	- Equipment - Bills - Network - Customer - Loan Guarantee - Education - Pregnancy - Technology - Apps
Country	Malaysia		
Language	Malay		
Journalist	Mohd Arshad, Meta Time		
Total Character	2,311 Characters		

Sentiment	Positive	• Institutions • Activation • Customer Services • Social Media
Spokesperons	-	

Bayar Cukai Pendapatan Elemen Cintakan NegaraSesebuah negara tidak akan berhadapan dengan isu pematuhan percukaian jika setiap warganegaranya memiliki kesedaran yang tinggi tentang tanggungjawab membayar cukai

Sesebuah negara tidak akan berhadapan dengan isu pematuhan percukaian jika setiap warganegaranya memiliki kesedaran yang tinggi tentang tanggungjawab membayar cukai.
IKUTI CHANNEL MYNEWSHUB DI WHATSAPP.....

Seandainya kesedaran tentang kepentingan membayar cukai tersemat dalam sanubari setiap warganya, tiada kes-kes ingkar perlu dibawa dan dibicarakan di mahkamah.

Dengan demikian maju dan sejahteralah sesebuah negara kerana segenap warganegara tahu akan peranan mereka untuk mengecapi kemakmuran bersama.

Rakyat sesebuah negara yang berpegang kepada prinsip wajib bayar cukai pendapatan pasti jua membenci perbuatan bertentangan sekali gus mengecilkan lompong keingkaran.

Bagaimanapun, menerap kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab membayar cukai dalam jiwa insan bukan perkara mudah kerana ia perlu bermula dari peringkat awal.

Mengubah norma sosial dan budaya cukai secara sukarela yang lebih positif dalam kalangan masyarakat perlu bermula dalam kalangan generasi muda.

Dalam erti kata lain ia perlu bermula dari rumah ibarat peribahasa ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’ yang bermaksud mendidik anak biarlah sejak mereka kecil.

Anak ibarat kain putih dah ibu bapalah yang akan mencorakkannya, maka semangat membayar cukai suatu elemen cintakan negara perlu mula diterapkan oleh golongan ibu bapa.

Dalam zaman teknologi maklumat ‘segalanya diujung jari anda’ kini segala informatif untuk mendidik anak-anak berkenaan aspek percukaian boleh diakses dengan mudah.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) turut menyediakan Gerbang Pendidikan Percukaian melalui platform EduZone di www.hasil.gov.my yang memuatkan pelbagai risalah dan artikel berkaitan percukaian.

EduZone yang bersifat interaktif malah dilengkapi dengan pelbagai video pendek dan video program temubual yang berbentuk penerangan dan boleh dimanfaatkan sebagai medium pengajaran.

Segala maklumat yang diperlukan ada di portal rasmi HASiL termasuk senarai lengkap pelepasan-pelepasan cukai yang boleh dijadikan rujukan bagi tujuan pemahaman tentang cukai pendapatan.

-MynewshubSimpan nama, e-mel dan laman web saya di pelayar ini untuk kali saya mengulas.Δ

